

PRU-13: BN bangunkan negara selama 56 tahun memerintah
Utusan Online
05 May, 2013

PAGOH 4 Mei - Tan Sri Muhyiddin Yassin menamatkan kempen terakhirnya di Pagoh dalam Himpunan Rakyat 1Malaysia Dewan Undangan Negeri (DUN) Jorak di Taman Bintang Emas, Bukit pasir, dekat sini, malam ini dalam keadaan cukup bersemangat.

Timbalan Perdana Menteri, yang bertanding mempertahankan Parlimen Pagoh, berucap lebih satu jam bermula pukul 9.40 malam menyentuh pelbagai perkara selain mengingatkan pengundi seluruh negara supaya tidak lupa tanggungjawab untuk mengundi esok.

Dalam masa tidak sampai dua jam tamat tempoh berkempen di hadapan lebih 2,000 pengunjung itu, beliau menarik perhatian apabila mengingatkan pengundi supaya mengenang segala usaha yang dilakukan Barisan Nasional (BN) sejak memerintah selama 56 tahun.

"Pada 1957 Malaysia adalah sebuah negara kecil yang tidak dikenali dunia, waktu itu tidak maju dan kita hanya ada kira-kira tujuh juta penduduk sahaja. Pengeluaran kita juga hanya dalam sektor getah, nenas, bijih dan beras sahaja.

"Tetapi pada hari ini semua orang kenal Malaysia tak kira di mana sahaja. Sekarang negara kita sudah maju dalam bidang ekonomi. Sudah menjadi negara industri. Laporan kajian dari Amerika dalam berita malam ini menyatakan ekonomi Malaysia 80 peratus baik," katanya.

Yang turut hadir isteri beliau Puan Sri Noorainee Abdul Rahman; calon DUN Jorak, Datuk Dr. Sharuddin Md. Salleh; Pengarah Jentera Pilihan Raya Pagoh, Datuk Tahir Mohd. Taat dan bekas Ketua Wanita MCA, Chew Mei Fan.

Beliau berkata, hari ini Malaysia dikenali sebagai negara industri dan berjaya menarik ramai pelabur asing dari seluruh dunia selain menjadi tumpuan tiga juta pekerja asing terutama dari Indonesia, Bangladesh, Myanmar, Nepal dan Thailand.

Kemajuan ekonomi negara juga katanya, pada ketika ini jauh meninggalkan negara maju lain yang dilanda krisis kerana pertumbuhannya amat positif antara lima hingga enam peratus setahun berbanding negara lain.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, dalam saat-saat akhir ini Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak senang duduk kerana sudah mengetahui rakyat menolak mereka dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) esok.

Katanya, pelbagai rancangan sudah dirancang Anwar dan pembangkang untuk menunjukkan rasa tidak puas hati termasuk turun di jalanan melakukan demonstrasi dan membuat kekacauan. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130505/px_01/PRU-13-BN-bangunkan-negara-selama-56-tahun-memerintah#ixzz2ZnkSW8wn